

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 APRIL 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jangan ambil mudah aspek keselamatan bahan radioaktif	Utusan Malaysia
2.	Premis miliki bahan radioaktif perlu ikuti SOP pematuhan keselamatan	BERNAMA
3.	Operasi pembenihan awan dilakukan di Sabah – Met Malaysia	BERNAMA
4.	Kerajaan agih satu juta benih ikan bantu pengusaha terjejas El Nino	BERNAMA
5.	Satu DNA asing ditemukan pada barang kes – Ahli kimia	BERNAMA
6.	Penyumbang DNA adik beradik kandung David Ramesh, Richard Morais	Utusan Malaysia
7.	Mahkamah berbau busuk gara – gara barang kes	Utusan Malaysia
8.	Sampel tulang sepadan DNA adik Kevin Morais	Sinar Harian
9.	Program ICP beri pulangan nilai RM40 bilion kepada negara	BERNAMA
10.	Signs of disinterest in Science	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 8 APRIL 2016 (JUMAAT)

Jangan ambil mudah aspek keselamatan bahan radioaktif

PUTRAJAYA 7 April - Premis-premis kerajaan dan swasta yang memiliki bahan radioaktif diingatkan supaya tidak mengambil mudah aspek keselamatan bagi mengelak risiko bahan berkenaan dicuri dan disalahgunakan untuk tujuan keganasan, kata Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, premis berkenaan seperti hospital, klinik dan universiti perlu memenuhi prosedur operasi standard (SOP) keselamatan yang ditetapkan dan sentiasa meningkatkan ciri-ciri keselamatan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri memberitahu, dalam Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini, kesemua 53 negara termasuk Malaysia menyatakan komitmen terhadap resolusi yang tidak mahu bahan-bahan nuklear jatuh ke tangan pengganas.

"Masyarakat antarabangsa termasuk 53 negara yang terlibat dalam NSS menentukan bahawa langkah-langkah awal perlu dilakukan dari segi pencegahan agar bahan radioaktif atau bahan-bahan yang boleh dijadikan sebagai senjata nuklear dapat dielakkan daripada 'dicanai' untuk dijadikan senjata nuklear," katanya dalam

sidang akhbar selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan Masir Kujat dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Alwi Ibrahim.

Dalam majlis tersebut, Ahmad Zahid turut menyempurnakan pemakaian pangkat Timbalan Ketua Pesuruhjaya Rela (Kehormat) kepada Nur Jazlan dan Masir.

Menurut Ahmad Zahid, SOP yang digariskan bagi premis-premis yang mempunyai bahan radioaktif termasuk menetapkan premis itu berada dalam kawasan berpagar, sentiasa dipantau kamera litar tertutup (CCTV) dan kawalan ketat untuk akses kepada bahan berkenaan.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia mempunyai senarai agensi atau syarikat yang mempunyai bahan-bahan radioaktif itu dan koordinasi dilakukan antara KDN dengan kementerian serta pihak-pihak berkenaan untuk menentukan tahap keselamatan berada di peringkat optimum," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Ahmad Zahid memberitahu, sebanyak tujuh pertukaran pega-

wai di jawatan-jawatan sensitif telah dilakukan sepanjang beliau menerajui KDN sejak Mei 2013 untuk menangani isu disiplin dan salah guna kuasa.

"Sebelum Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) arahkan, kita sudah buat dahulu, sejak saya di KDN, seingat saya ada tujuh pegawai telah kita lakukan pertukaran secara dalaman atau kita minta JPA pindahkan ke jabatan lain.

"Ada beberapa (pertukaran) melibatkan kes disiplin, salah guna kuasa dan lain-lain perlakuan tetapi kita tidak heboh dan umumkan kerana tindakan yang kita lakukan adalah untuk kebajikan individu berkenaan dan organisasi," katanya.

Katanya, pertukaran pegawai itu melibatkan jawatan bagi gred M54 ke bawah dan segala tindakan tatatertib yang diambil berdasarkan Pekeliling JPA.

Mengulas tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, kelmarin kerana mendedahkan dokumen berkaitan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA), Ahmad Zahid berkata, tindakan yang dibuat PDRM itu berlandaskan undang-undang.



Premis Miliki Bahan Radioaktif Perlu Ikuti SOP Pematuhan Keselamatan

PUTRAJAYA, 7 April (Bernama) -- Premis yang memiliki bahan radioaktif bagi tujuan yang dibenarkan perlu mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pematuhan kawalan keselamatan bahan itu supaya tidak terlepas kepada pihak tidak bertanggungjawab, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata soal keselamatan bahan radioaktif tidak harus diambil mudah kerana ia boleh 'dicanai' menjadi senjata nuklear yang boleh mengakibatkan kemusnahan besar-besaran jika jatuh ke tangan yang salah.

Beliau berkata berdasarkan resolusi pada Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) di Amerika Syarikat baru-baru ini, 53 negara termasuk Malaysia khuatir bahan radioaktif jatuh ke tangan yang salah dan mahu langkah awal diambil bagi menangani kebimbangan itu.

"Kita (Malaysia) mempunyai SOP bagi menentukan keselamatan sesebuah premis yang mempunyai bahan radioaktif.

"Jika SOP ini tidak diikuti atau diambil mudah, kita khuatir bahan itu mungkin jatuh kepada pihak tidak bertanggungjawab dan risiko dari aspek keselamatan adalah amat tinggi," kata Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri pada sidang media selepas perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini.

Beliau berkata pihak berkaitan seperti syarikat, hospital, farmasi dan institusi pengajian tinggi yang memiliki bahan radioaktif bagi tujuan yang dibenarkan telah diminta memperkukuhkan kawalan keselamatan di premis masing-masing dengan mematuhi SOP ditetapkan.

Kawalan keselamatan tidak semestinya memerlukan kehadiran polis atau pengawal keselamatan secara kekal di lokasi tersebut tetapi dalam bentuk memperbanyak kamera litar tertutup berdefinisi tinggi serta kawasan mestilah berpagar yang hanya boleh dimasuki individu yang dibenarkan, katanya.

Ahmad Zahid berkata dalam memastikan tahap keselamatan berada di peringkat optimum, KDN akan bekerjasama rapat dengan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bagi memantau pematuhan peraturan kawalan keselamatan.

"Sebagai kementerian yang mempunyai senarai syarikat dan premis yang mempunyai bahan radioaktif, koordinasi bersama MOSTI penting dalam memastikan pematuhan arahan keselamatan oleh pihak keselamatan terhadap pihak berkaitan dapat dilakukan secara optimum," katanya.



Operasi Pembenihan Awan Dilakukan Di Sabah - MetMalaysia

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memulakan operasi pembenihan awan di Sabah hari ini dengan menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berpangkalan di Labuan.

Ketua Pengarah MetMalaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata operasi itu bermula 11 pagi.

"Operasi begini selalunya mengambil masa satu atau dua jam, bergantung pada lokasi awan," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata operasi itu dijalankan bagi menghilangkan jerebu di udara yang berpunca daripada kebakaran tanah gambut di negeri ini dan ia akan diteruskan sepanjang minggu ini sekiranya perlu.

Di LABUAN, pengarah Pejabat MetMalaysia Donis Gunting berkata empat tangki air garam digunakan dalam operasi itu.

Menurut beliau, setiap tangki mengandungi 1,500 liter air garam yang disembur ke dalam awan di Beaufort, Menumbok, Membakut, Kuala Penyu, Sipitang, Penampang, Kota Kinabalu, Tuaran dan kawasan lain di kawasan luar bandar Sabah.

"Kami berharap operasi ini akan berjaya dan membantu menghasilkan hujan di kawasan berkenaan," katanya kepada Bernama pada Khamis.

Beliau berkata operasi itu dijalankan dengan kerjasama Jabatan Air Labuan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

-- BERNAMA



Kerajaan Agih Satu Juta Benih Ikan Bantu Pengusaha Terjejas El Nino

TEMERLOH, 7 April (Bernama) -- Kerajaan akan mengagihkan satu juta ekor benih ikan talapia dan patin kepada 332 pengusaha ikan sangkar dan kolam yang terjejas di seluruh negara akibat fenomena El Nino yang sedang melanda negara ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata bantuan termasuk makanan ikan itu dijangka akan diberikan kepada pengusaha yang terlibat sebaik sahaja cuaca panas berakhir pada bulan Jun depan.

"Kementerian perihatin tentang nasib 332 pengusaha ikan sangkar dan patin yang terjejas dengan musim kemarau ini sehingga mengakibatkan mereka menanggung kerugian sehingga mencecah RM7 juta.

"Jadi untuk mengurangkan bebanan mereka, kerajaan akan memberikan bantuan jangka pendek berbentuk makanan, benih ikan serta bantuan ihsan yang difikirkan sesuai bagi membolehkan mereka meneruskan kembali kegiatan penternakan ikan sungai ini," katanya kepada pemberita ketika melawat projek ternakan ikan sangkar Kampung Bangau Parit dan Kampung Teluk Ira di sini hari ini.

Ia turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Lanchang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin dan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Adnan Hussein.

Katanya Pahang merupakan negeri yang paling teruk terjejas melibatkan seramai 239 penternak dengan kerugian mencecah RM5 juta diikuti oleh Terengganu (54 pengusaha) Perak (27 pengusaha), Perlis (lapan pengusaha), dan Kedah (empat pengusaha).

Ahmad Shabery berkata bagi penternak ikan sangkar, mereka akan diberikan bantuan sebanyak 3,500 benih dan 25 beg makanan ikan bagi setiap empat sangkar ikan yang dimiliki, manakala untuk penternak ikan kolam pula mereka akan diberikan 1,300 benih dengan 10 beg makanan ikan bagi setiap 0.1 hektar keluasan kolam yang diusahakan.

Dalam masa yang sama, untuk mengelakkan masalah yang sama berulang pada masa akan datang, kementerian turut mengadakan pelan jangka masa panjang termasuk mengadakan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

"Contohnya kita akan dapatkan kerjasama dengan Jabatan Meteorologi dan Jabatan Parit dan Saliran untuk buat jangkaan pada masa hadapan kawasan mana yang akan berhadapan dengan masalah sungai cetek.

"Ini bagi membolehkan kita mengenal pasti kawasan mana yang sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan penternakan ikan sangkar sekali gus mengelakkan pengusahanya mengalami kerugian apabila berhadapan dengan musim panas yang berpanjangan," kata Ahmad Shabery.

Dalam masa yang sama beliau turut tidak menafikan fenomena El Nino kali ini turut menjejaskan bekalan makanan negara dalam tempoh dua hingga tiga bulan akan datang terutama semasa musim perayaan nanti.

"Memang ada kesan, misalnya pembesaran ayam agak terjejas akibat cuaca panas begitu juga dengan pengeluaran tenusu, sayur-sayuran dan buah-buahan yang berkurangan ketika ini. Namun ia masih terkawal.

"Yang membimbangkan kita kesannya mungkin akan terasa dua atau tiga bulan akan datang terutama musim perayaan kerana ketika itu permintaan makanan agak meningkat. Sehubungan itu kita akan pantau perkara ini dan cari jalan penyelesaian untuk memastikannya kesannya tidak terlalu besar," katanya.

-- BERNAMA



Satu DNA Asing Ditemukan Pada Barang Kes - Ahli Kimia

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Seorang ahli kimia memberitahu Mahkamah Tinggi pada Khamis dalam perbicaraan kes pembunuhan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais bahawa satu DNA asing ditemukan pada kesan darah di atas wayar.

Nor Aidora Saedon, 43, dari Seksyen Forensik DNA Jabatan Kimia Malaysia, berkata profil DNA itu bercampur daripada dua individu.

"Profil DNA individu kedua itu adalah berbeza daripada sampel yang diperolehi daripada adik beradik kandung Kevin Morais iaitu David Ramesh dan Richard Dilaan.

"Saya kenal pasti penyumbang profil DNA tersebut sebagai 'Male 1' (Lelaki 1)," katanya ketika pemeriksaan utama Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin dalam perbicaraan kes itu di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah.

Beliau turut memaklumkan spesimen tisu dan tulang berlabel "unknown" (tidak diketahui) adalah sepadan dengan profil DNA David dan Richard.

Nor Aidora merupakan saksi pendakwaan kesembilan telah berkhidmat di jabatan itu sejak 1998 ditugaskan untuk menganalisis berkaitan DNA ke atas bahan bukti biologi untuk kes bunuh, rogol, dan pengenalpastian mayat.

Katanya bagi kes bunuh itu, laporan analisis bertarikh 22 Sept 2015 itu dibuat berdasarkan barang kes yang diterimanya daripada pegawai penyiasat ASP Wan Abdullah Wan Said pada 11.40 pagi, 17 Sept 2015 dan 1.46 tengah hari, 18 Sept 2015.

Dalam prosiding itu, Nor Aidora menunjukkan 59 barang kes antaranya sepasang sarung tangan getah, guni, cincin, rantai leher dan loket, tali pinggang, seluar dan kemeja, yang kesemuanya mempunyai kesan darah.

Sementara itu, bilik mahkamah turut berbau busuk dipercayai daripada tisu, tulang dan barang-barang yang mempunyai cairan biologi sehingga pihak pendakwaan, pembelaan, wartawan, dan orang awam terpaksa menutup hidung masing-masing dan ada juga yang keluar dari bilik mahkamah.

Ekoran bau busuk tersebut, Hakim Azman membenarkan permohonan Wan Shaharuddin supaya Nor Aidora membuka guni yang digunakan mengisi mayat Kevin Morais, di luar mahkamah.

Sebelum perbicaraan ditangguhkan, peguam V. Rajehgopal, mewakili tertuduh S.Ravi Chandaran, 45, memaklumkan kepada mahkamah berhubung kejadian ugut terhadap anak guamnya.

Beliau berkata Ravi mendakwa menerima ugutan bunuh daripada seorang saksi ketika waktu makan tengah hari semalam dan memohon mahkamah membenarkan anak guamnya dibawa ke balai polis untuk membuat laporan.

Ketika ditanya Hakim Azman, tertuduh menjawab "Ya, saya diugut. Saya mohon untuk membuat laporan polis".

"Saya tidak pasti sama ada tertuduh boleh dibawa keluar ke balai polis atau buat laporan di mahkamah, terpulang pada Timbalan Pendakwa Raya," kata hakim.

Semalam lapan saksi memberi keterangan termasuk Datuk Richard Morais, adik bongsu Kevin Morais dan jurufoto polis.

Pada 27 Jan lepas, enam lelaki - G.Gunasekaran, 48, R.Dinishwaran, 24, A. K Thinesh Kumar, 23, M. Vishwanath, 26, S.Nimalan, 23, dan Ravi Chandaran, didakwa membunuh Kevin Morais antara 7 pagi dan 8 malam, 4 Sept, 2015, di antara Jalan Dutamas Raya Sentul dan No. 1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya.

Mereka berdepan hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kol Dr R. Kunasegaran, 53, yang merupakan tertuduh pertama, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan bersubahat dengan enam lelaki itu dalam pembunuhan Kevin Morais di tempat, tarikh dan masa yang mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama-sama Seksyen 302 akta sama.

Gunasekaran, Vishwanath, Nimalan dan Ravi Chandaran diwakili peguam Rajehgopal manakala Dinishwaran dan Thinesh Kumar diwakili peguam M.Manoharan dan peguam Datuk N.Sivananthan mewakili Dr Kunasegaran.

Perbicaraan bersambung esok.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 8 APRIL 2016 (JUMAAT)

Keterangan & fakta menarik

1 "Dinasihatkan tidak dibuka sebab mengandungi *decompose specimen* (spesimen yang sudah mereput)."

Kata ahli kimia, Nor Aidora Saedon ketika merujuk kepada bungkusan plastik berisi botol-botol yang mengandungi sampel tisu, rambut dan tulang mangsa.

2 "Nak buka ke? berbau ni." Tanya Nor Aidora merujuk kepada bungkusan plastik berisi guni plastik yang dipercayai digunakan untuk menyumbat mangsa.

3 Plastik berisi guni dibuka oleh Nor Aidora di koridor di hadapan Mahkamah Tinggi Jenayah 1 dengan disaksikan oleh Hakim Azman Abdullah, pihak pendakwaan, pembelaan, kesemua tujuh tertuduh dan media termasuk jurugambar dan jurukamera bagi mengelakkan dewan mahkamah berbau.

4 "Sumber kepada tisu dan tulang merupakan adik beradik kandung kepada pemilik sampel darah W23 (David Ramesh Morais) dan W24 (Richard Dilaan Morais). Kebarangkalian hubungan kekeluargaan ialah 99.9999 peratus,"

Kata Nor Aidora merujuk kepada padanan profil DNA yang ditemui pada sampel tulang dan tisu.

5 Nor Aidora menukar sarung tangannya sebanyak empat kali iaitu setiap kali menyentuh barang kes selepas ia dikeluarkan daripada sampul atau bungkusannya.

6 Tertuduh pertama, R. Kunaseegaran yang juga pakar patologi dilihat sibuk mencatat setiap keterangan Nor Aidora berkaitan barang kes dan analisis yang dibuatnya.

Penyumbang DNA adik-beradik kandung David Ramesh, Richard Morais

KUALA LUMPUR 7

April - Seorang ahli kimia memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa profil asid deoksiribonukleik (DNA) daripada sampel tulang dan tisu yang diserahkan kepadanya oleh seorang pegawai penyiasat polis pada 18 September tahun lalu adalah sepadan dengan profil DNA sampel darah David Ramesh dan Datuk Richard Dilaan Morais.

"Sumber kepada tisu dan tulang merupakan adik-beradik kandung kepada pemilik sampel darah W23 (David Ramesh Morais) dan W24 (Richard Dilaan Morais). Kebarangkalian hubungan kekeluargaan ialah 99.9999 peratus," kata Ketua Unit DNA Jenayah, **Jabatan Kimia Malaysia**, Nor Aidora Saedon.

Kesan darah yang ditemukan pada seutas wayar turut mempunyai profil DNA yang sama dengan sampel tisu dan tulang terbabit sekali gus menunjukkan ia berasal daripada individu yang sama.

Turut ditemukan pada wayar terbabit ialah profil DNA seorang lelaki yang ditandakan sebagai 'Male 1'.

Beliau bagaimanapun memberitahu, tidak mengetahui dari mana sampel tisu atau tulang tersebut diperoleh kerana tidak pernah dimaklumkan oleh pegawai penyiasat terbabit, Asisten Superintenden Wan Abdullah Wan Said.

"Melalui media saya tahu terdapat kes yang memerlukan identifikasi tetapi saya tidak tahu dari mana sampel-sampel tulang dan tisu tersebut diambil sebelum diserahkan kepada saya," ujarnya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin.

Saksi pendakwaan kesembilan itu berkata demikian pada hari kedua perbicaraan terhadap tujuh lelaki termasuk seorang pakar patologi tentera yang didakwa membunuh dan bersubahat membunuh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Anthony Kevin Morais, 55.

Perbicaraan kes bunuh KEVIN MORAIS



Tertuduh pertama, Kolonel Dr. R. Kunaseegaran, 53, didakwa bersubahat dengan enam lelaki untuk membunuh Kevin Morais dalam perjalanan dari rumah mangsa di Jalan Dutamas Raya, Sentul di sini ke No. 1, Jalan USJ 1/6D Subang Jaya dekat sini, antara pukul 7 pagi dan 8 malam, 4 September 2015.

Pertuduhan terhadap Ketua Makmal Patologi, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM) itu yang kini digantung tugas dikemukakan mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 302 akta sama.

Enam lagi tertuduh iaitu empat penganggur, G. Gunasekaran, 48, R. Dinishwaran, 24, A.K. Thinesh Kumar, 23, M. Vishwanath, 26; pelajar kolej, S. Nimalan, 23, dan pemberi pinjaman wang, S. Ravi Chandaran, 45, didakwa membunuh mangsa pada masa, tarikh dan tempat sama dan dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua seksyen tersebut memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Sepanjang Nor Aidora yang juga merupakan salah seorang ahli kimia dalam perbicaraan kes liwat II bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kunaseegaran dilihat tidak henti-henti menulis setiap keterangan saksi itu membabitkan 59 barang kes.

Ketika melakukan pengecaman terhadap barang-barang kes itu, Nor Aidora juga sempat mencadangkan kepada mahkamah agar plastik bungkusan yang mengandungi sampel tisu, tulang dan rambut yang tidak dikenali sumbernya itu tidak dibuka kerana ia mengandungi sampel telah mereput.

Antara barang kes yang dicamkan oleh ahli kimia tersebut ialah sehelai seluar, kemeja lengan panjang dan tali leher yang masing-masing mempunyai kesan darah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung esok.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 8 APRIL 2016 (JUMAAT)



NOR AIDORA SAEDON mengeluarkan sampul plastik yang berisi guni sebagai bahan bukti untuk proses pengecaman di luar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam, kerana bahan bukti tersebut masih lagi berbau hapak dan busuk yang boleh mengganggu proses prosiding mahkamah. - UTUSAN/NOQRADZRENE MOHAMMED NOOR

Mahkamah berbau busuk gara-gara barang kes

KUALA LUMPUR 7 April - Perbicaraan kes bunuh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Anthony Kevin Morais yang masuk hari kedua hari ini dimulakan dengan pihak pendakwaan memanggil saksi kesembilan iaitu ahli kimia daripada Jabatan Kimia, Nor Aidora Saedon untuk memberi keterangan.

Prosiding yang diadakan di Mahkamah Tinggi 1 di sini bermula lancar dengan Nor Aidora memberitahu mahkamah tentang skop tugasannya sebagai ahli kimia serta pengalaman dan penglibatannya dalam bidang tersebut.

Namun sewaktu mahkamah berhenti rehat sebentar dan beberapa barang kes untuk proses pengecaman mula disusun di atas meja di depan tempat duduk barisan pendakwaan dan pembelaan, bau hapak dan busuk terus memenuhi ruang dewan mahkamah.

Bau yang sedikit menimbulkan rasa kurang selesa itu menyebabkan hampir kesemua petugas media yang membuat liputan mengambil keputusan untuk keluar sebentar bagi mengambil angin.

Malah, barisan pihak pendakwaan turut memakai penutup hidung dan mulut serta ada di antara peguam yang mengikuti prosiding itu yang menyembur minyak wangi bagi 'melenyapkan' bau tersebut.

Bau tersebut dipercayai berpunca daripada sampel-sampel tisu dan tulang yang sudah mereput dan barang-barang kes seperti pakaian yang dicemari air badan mayat sehingga menyebabkan ahli kimia berusia 43 tahun itu menasihati mahkamah agar tidak membukanya semasa dicamkan.

Namun Hakim Datuk Azman Abdullah memutuskan barang kes tersebut perlu dibuka bagi tu-

juan tandaan semula dan rekod mahkamah.

Bagaimanapun, hakim tersebut membenarkan barang kes iaitu sekeping guni plastik yang dipercayai digunakan untuk menyumbat mayat mangsa dibuka di luar dewan mahkamah tersebut.

"Barang kes ini (guni), jika dibuka di dalam mahkamah, nanti mahkamah ini tidak boleh digunakan lagi. Jadi kita buka di luar," kata beliau.

Kira-kira pukul 12.30 tengah hari, barang kes tersebut dibuka sambil disaksikan hakim, barisan pendakwaan dan pembelaan, petugas media serta kesemua tertuduh.

Setelah selesai, mahkamah bersidang semula di dalam dewan dan disambung dengan proses pengecaman beberapa barang kes lain sebelum ditangguhkan pada pukul 12.55 tengah hari.

Sampel tulang sepadan DNA adik Kevin Morais

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dimaklumkan sampel tulang dipercayai milik timbalan pendakwa raya, mendiang Datuk Anthony Kevin Morais yang dianalisa Jabatan Kimia sepadan dengan spesimen darah milik adiknya.

Ahli kimia, Nor Aidora Saedon berkata, tulang yang diserahkan bersama sampel tisu oleh Asisten Superintendan Wan Abdullah Wan Said pada 17 September 2015 itu, dibuat perbandingan asid deoksiribonukleik (DNA) dengan kedua-dua sampel darah tersebut.

"Saya mendapati, sumber spesimen berkenaan adalah adik-beradik dengan spesimen darah yang berlabel David Ramesh Morais dan Richard Dilaan Morais,"

"Ia (DNA) diturunkan ibu bapa," katanya yang turut me-



nambah kebarangkalian berdasarkan populasi masyarakat Melayu, Cina, India sepadan adalah 99.999 peratus.

Nor Aidora yang merupakan saksi pendakwaan ke 9 berkata, selain spesimen itu, beliau turut menemui dua DNA pada seutas wayar yang dikesan mempunyai darah.

"Satu DNA adalah bersepadanan dengan spesimen manakala satu profil DNA lagi milik individu berbeza daripada David dan Richard.

"Saya tandakan profil DNA

tersebut sebagai Male 1," katanya pada pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin pada prosiding semalam.

Selain spesimen itu, Nor Aidora turut menerima 50 eksebit lain untuk dianalisa, antaranya, sampel disyaki simen, sepasang sarung tangan, 11 putik kapas mengandungi kesan sel badan yang diambil di pelbagai tempat pada sebuah kereta bernombor pendaftaran PEP 1135, seluar dalam, tali leher, guni dan sebagainya.

Eksebit dikemukakan Nor Aidora menimbulkan rasa tidak selesa kepada semua hadirin kerana ia mengeluarkan bau busuk sehingga memaksa Wan Shahrudin membuat permohonan mengemukakan sampul mengandungi guni dan batu dibuat di luar mahkamah.



Program ICP Beri Pulangan Nilai RM40 Bilion Kepada Negara

PUTRAJAYA, 7 April (Bernama) -- Pelaksanaan Program Kolaborasi Industri (ICP) sejak 2011 berjaya mewujudkan lebih 50 program dengan 229 projek yang membawa pulangan nilai kepada ekonomi secara keseluruhan hampir RM40 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency Bhd (TDA) Mej Zailani Safari (B) berkata program tersebut yang dijangka tamat sebelum tahun 2020 melibatkan lebih 100 syarikat tempatan yang majoritinya syarikat kecil dan sederhana.

Katanya TDA sebagai entiti Syarikat Berhad dengan Jaminan di bawah Kementerian Kewangan berfungsi untuk mengenal pasti dan mewujudkan aktiviti dan program yang akan menambah nilai setiap perolehan kerajaan melalui program ICP.

"Misalnya, apabila kita mempunyai perolehan berjumlah RM1 bilion, apa yang kita biasa dapat ialah aset bernilai RM1 bilion, tetapi melalui ICP, kita akan melakukan aktiviti yang menambah nilai, dan RM1 bilion itu akan menjadi RM2 bilion dari segi pulangan ekonomi dan aset," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Dokumen Memorandum Persefahaman antara TDA dan pemain industri di sini hari ini.

Zailani berkata melalui ICP, pihak TDA dapat melaksanakan beberapa program yang menjadi asas kepada aktiviti pembangunan industri iaitu program pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, penyelidikan dan pembangunan, pelaburan langsung asing dan penyediaan pasaran bagi produk Malaysia.

"Bagi sasaran seterusnya, TDA menjangka program ICP akan menyumbang RM60 bilion kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar mulai 2020 hingga 2025," katanya.

Dalam pada itu, TDA hari ini memulakan kerjasama dengan pelbagai agensi, syarikat tempatan dan antarabangsa melibatkan pelbagai aktiviti yang membawa sumbangan kepada ekonomi negara bernilai lebih RM2 bilion dalam tempoh tiga tahun.

Katanya aktiviti tersebut melibatkan industri aeroangkasa, pengangkutan kereta api dan teknologi nano yang selari dengan keutamaan negara.

Pemain industri yang terlibat ialah Mara Aerospace & Technologies Sdn Bhd, Nanogruen Sdn Bhd, Nun Utama Holding Sdn Bhd, Gelanggang Kencana Sdn Bhd, Thales Malaysia Sdn Bhd, BAE Systems, Sirim Bhd, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, Jabatan Pendidikan Politeknik, Keretapi Tanah Melayu Bhd, Multimedia Development Corp, Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Katanya selain kerjasama dengan syarikat tempatan, syarikat global seperti Thales dan BAE System juga akan membantu memperkasakan kebolehpayaan dan kompetensi syarikat tempatan dalam mengembangkan industri dan menembusi pasaran antarabangsa.

-- BERNAMA

FEWER STUDENTS

Signs of disinterest in Science

THE declining number of students taking up Science subjects is worrying. The issue has been long discussed, but nothing concrete has materialised.

Based on reports in newspapers and portals, only 15,000 students in local universities have chosen Science, Technology and Innovation as their mainstream study.

Another report (last year) showed that only 21 per cent of upper secondary school students opted for Science.

Why are students losing interest in learning Science? Are teachers using the right approach? Is it our education system? Blaming teachers or the system will not help.

The issue needs to be addressed as Malaysia is heading for developed nation status by 2020.

If the problem is not rectified, we will not achieve Vision 2020, as one of the criterion is efficient human capital.

We need to re-look at how Science is being taught. What is the root cause of this lack of interest in Science? As an academican, I find that students' attitude is the main factor in determining the courses that they like.

Several studies have proved that a negative attitude towards Science results in poor performance.

Science is difficult to learn and getting good marks is not easy. Once the grades drop, it affects other subjects as well.

To be good in Science, students have to excel in Mathematics.

Science and Mathematics are two core subjects that have been set as the minimum requirement for entry level at universities, colleges and other educational institutions.

Since literacy in Science among students is low, then rebranding Science in terms of teaching and learn-

ing has to be seriously considered. The perception that it is a difficult subject must be changed.

This can be done through the integration of Science in other subjects promoted through STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics).

Learning Science can be interesting since the STEM content is related to real-world applications. Such activities can be conducted through collaborative, hands-on activities, which can boost students' critical thinking.


The classes should be made fun, and understanding will come naturally when the classes are interesting and engaging.

As students' attitude towards Science improves, their reasoning level increases. Initiatives on specific related workshops can be implemented and competitions held to acknowledge students' Science projects.

Next, to ensure that choosing Science is worthwhile, students have to be guided in terms of career path.

In this case, STEM-related industries can collaborate with schools and tertiary educational institutions. Visits to industries will expose students to suitable careers.

DR SITI MISTIMA MAAT,
Faculty Of Education, Universiti
Kebangsaan Malaysia



Make Science subjects fun and engaging.